

21/11/1998

Persatuan wartawan bantah ucapan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM) pada mesyuarat exconya malam tadi, sebulat suara membantah sekeras-kerasnya ucapan Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore.

Presidennya, Yazid Othman dalam satu kenyataan hari ini menyifatkan Gore dan Setiausaha Negara Amerika Madeleine Albright sebagai menghidap sakit jiwa yang kronik akibat tekanan politik membabitkan skandal seks presidennya Bill Clinton sehingga tidak dapat membezakan isi ucapannya sesuai atau tidak dengan tempat dan suasana.

PWM juga berpendapat dasar Amerika yang kononnya menentang keganasan di dunia dan sebagai penganjur demokrasi di peringkat global adalah palsu dan bohong.

"Buktinya Amerika tidak pernah mengutuk keganasan zionis Israel terhadap Palestin ... di Malaysia pula, Amerika menyokong gerakan reformasi yang melakukan keganasan serta cuba menjatuhkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara kekerasan padahal ia dipilih secara demokrasi," katanya.

Kerajaan juga diminta supaya mengurangkan bilangan kakitangan Kedutaan Amerika di Kuala Lumpur kerana dipercayai sebilangan mereka menghasut golongan penentang kerajaan di negara ini sebagaimana yang dilakukan di Indonesia serta meminta wartawan asing menghentikan laporan palsu dan berat sebelah dalam isu berkaitan Anwar Ibrahim.

PWM juga menyatakan sokongan penuh kepada kepimpinan Dr Mahathir untuk terus memimpin negara kerana beliau dipilih secara demokrasi melalui pilihan raya yang sah.

(END)